



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI PELAJARAN (G.13)
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PELAJARAN
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
G.13 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Al Qawaidul Arabiyah / *Arabic* / *Arabic Language* / Arab & Falsafah / Kesusteraan Arab / Pendidikan Bahasa Arab / Pengajian Bahasa Arab / Sastera Bahasa Arab atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi yang tidak mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan adalah dikehendaki untuk menjalani latihan dalam bidang Pendidikan / Perguruan bagi mendapatkan seperti kursus Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh dilantik jawatan ini.

3. Mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang yang dikehendaki adalah kelebihan.
4. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Arab, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik adalah keutamaan.
5. Berkebolehan dalam mengajar Ilmu Balaghah adalah keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Sebagai tenaga pengajar mata pelajaran Bahasa Arab termasuk Balaghah di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkhiah;
2. Merancang dan memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan cekap;
3. Bersedia untuk mengikuti perkembangan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dan *blended-learning*;



4. Menyediakan laporan-laporan dan data-data pemarkahan pelajaran dengan baik dan tersusun;
5. Melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti anjuran Institut dan seumpamanya;
6. Menentukan perkembangan bakat pelajar dalam bidang kurikulum dan kokurikulum; dan
7. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengetua / Ketua Jabatan dan pegawai atasan dari semasa ke semasa.